



Headline : Untung Deleum naik 22 peratus  
Media : Utusan Malaysia / Ekonomi  
Day/Date : 6 March 2012  
Page : 22  
Links :

#### Deleum's Profit Increased 22%

## Untung Deleum naik 22 peratus

KUALA LUMPUR 5 Mac - Penyedia peralatan dan kemudahan industri minyak dan gas, Deleum Bhd. (Deleum) merekodkan pertumbuhan keuntungan sebelum cukai sebanyak 22 peratus kepada RM45.71 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, berbanding RM37.60 juta pada tahun sebelumnya.

Pengarah Urusan Deleum, Nan Yusri berkata, pencapaian tersebut menggambarkan keberkesanan strategi yang telah disusun oleh syarikat itu.

Sebagai mengekalkan komitmen kepada pemegang sahamnya, Deleum mengumumkan dividen interim kedua sebanyak sembilan sen yang akan dibayar 23 Mac depan.

Bagaimanapun, dalam keputusan kewangan tahun 2011, perolehan syarikat itu yang dicatatkan adalah lebih rendah berjumlah RM396.30 juta berbanding RM399.05 juta pada tahun sebelumnya.

Kata Nan, industri minyak dan gas negara dijangka terus berkembang khususnya selepas beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh Petronas di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) selain penemuan sumber minyak dan gas baharu di pesisir laut Sabah dan Sarawak.